

Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

Membentuk spiritual individu menurut hadis untuk pencegahan dadah

[Moulding individual spirituality in accordance to hadiths for drug prevention]

Suriani Sudi,* Rosni Wazir, Norsaleha Mohd Salleh, Abur Hamdi Usman, Abdul Hadi Awang & Syamim Zakwan Rosman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Selangor, Malaysia.

* Corresponding Author: Dr. Suriani Sudi, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. e-Mail: suriani@kuis.edu.my.

Keywords:

Prevention, Drugs,
Spirituality, Individual,
Hadith.

ABSTRACT


The Drug Information Book 2017 records 18,440 newly-detected addicts and 7,482 repeat cases of addiction. These figures necessitate the call for a study and contribution for the fortifications of preventive measures in the nation. Prevention is the best and effective method in cost reduction in handling drug abuse. Poor preventive programmes would elevate the rate of addictions and cause various social issues to rise and augment the cost of recovery treatments. The study reveals that weak personal spirituality is the root of addiction with the most devastating consequences. Hence, this study was conducted to collect hadiths which are related to individual spiritual development as means of prevention from drug abuse. The study employs a thematic analysis approach by identifying related hadiths. The study finds that spiritual elements related to life aims, gratitude, independence, and a firm hold on the faith are consequential in the prevention of drug involvement.

Kata Kunci:

Pencegahan, Dadah,
Spiritual, Individu, Hadis.

ABSTRAK

Buku Maklumat Dadah 2017 mencatatkan seramai 18,440 orang penagih baru dikesan dan 7,482 penagih berulang. Angka ini membuktikan terdapat keperluan untuk satu kajian dan sumbangan bagi pemerkasaan langkah pencegahan dadah di negara ini. Pencegahan merupakan kaedah terbaik dan efektif dalam mengurangkan kos menangani penyalahgunaan dadah. Program pencegahan yang lemah akan menyebabkan peningkatan kadar penagihan dan seterusnya wujud pelbagai permasalahan sosial dan peningkatan kos dalam rawatan pemulihan. Kajian menunjukkan kerohanian diri yang lemah merupakan punca utama penagihan dan yang memberi kesan paling kuat. Untuk itu, kajian ini bertujuan untuk mengumpulkan hadis-hadis berkaitan pembentukan spiritual individu sebagai kaedah untuk mencegah diri dari terjebak ke kancah dadah. Kajian menggunakan kaedah analisis secara tematik iaitu dengan mengenal pasti hadis-hadis yang berkaitan. Kajian mendapati elemen spiritual berkaitan mempunyai tujuan hidup, bersyukur, berdikari dan pegangan agama yang utuh memberi peranan dalam mencegah seseorang dari terlibat di dalam dadah.



1. Pendahuluan

Statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2018 iaitu Buku Maklumat Dadah 2017 mencatatkan seramai 18,440 orang penagih baru dikesan dan 7,482 penagih berulang. Daripada angka ini kaum Melayu mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 15,037 (81.55%), diikuti oleh kaum Cina 1,216 (6.59%) dan India 1,026 (5.56%). Bilangan ini semestinya sesuatu yang merisaukan terutamanya kepada kaum Melayu kerana mempunyai peratusan yang tertinggi (Agensi Antidadah Kebangsaan [AADK], 2018). Angka ini membuktikan terdapat keperluan untuk satu kajian dan sumbangan bagi pemerkasaan langkah pencegahan di negara ini (Taib, 2005).

Seterusnya, Mohd Jailani dan Osman (2015) mengemukakan penyalahgunaan dadah ialah kombinasi penyakit yang melibatkan aspek biologi, psikologi, kemasyarakatan dan kerohanian. Setiap satu daripada empat aspek ini boleh dilihat sebagai faktor kepada penglibatan seseorang individu itu terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Oleh itu, program rawatan dan rehabilitasi atau pemulihan akibat penyalahgunaan dadah tidak boleh menekankan hanya satu atau dua aspek sahaja daripada aspek-aspek tersebut serta meninggalkan aspek-aspek yang lain. Secara biologinya penagihan ini dapat ditangani dengan pengambilan ubat-ubatan atau Terapi Gantian Metadon (TGM) yang akan mengawal kesan “*withdrawal symptoms*” dan ketagihan. Secara psikologi dan psikospiritualnya pula, mereka hendaklah kembali kepada ajaran Islam yang akan membentuk spiritual yang kuat untuk membuang dan menahan ketagihan.

Penulis melihat walaupun kajian tinjauan punca penagihan ini mengenalpasti pelbagai faktor utama penagihan, faktor kerohanian tetap dikenalpasti sebagai faktor kepada permasalahan dadah. Menurut kajian yang dilakukan oleh Tunggak (2015) faktor diri sendiri adalah faktor utama yang memberi kesan paling kuat. Dapatkan kajian ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Ahmad, Ismail, Ibrahim, dan Nen (2015) yang menyatakan faktor individu merupakan faktor utama penagihan diikuti keluarga dan suasana sosial. Seterusnya, daripada kajian yang dijalankan oleh Salleh (2012) terdapat 4 faktor utama yang menyumbang kepada masalah penagihan dadah iaitu pengaruh kawan, sikap ingin mencuba, kurang didikan agama dan daya ketahanan diri atau motivasi yang lemah. Selain itu, stress, kemurungan dan gelisah atau *anxiety* juga faktor yang menyumbang.


Terdapat kajian yang memfokuskan punca penagihan dadah disebabkan kerohanian yang rapuh. Menurut Ghani & Adam (2014) penagihan dadah berpunca daripada penyakit rohani. Penyakit rohani tidak boleh dirawat dengan menggunakan suntikan ubat, tidak boleh dengan kekerasan dan kekuasaan tetapi harus dibimbangi rohani. Hal ini turut dikuatkan oleh Taharem (2004) bahawa kerohanian yang rapuh dan perasaan cintakan dunia adalah faktor utama belia kecundang kepada masalah dadah. Manakala menurut Shafie (2006) kerohanian yang lemah merupakan punca utama penagihan dadah di samping punca pelbagai krisis moral dan sosial. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Abdul Kadir, Paad, Ghapar, dan Nawawi (2013) turut mengenalpasti pengabaian kepada perkara agama merupakan punca utama kepada masalah salah laku remaja antaranya dadah.

Bertitik tolak daripada kajian yang dikemukakan ini terdapat keperluan untuk memfokuskan langkah menangani dadah daripada aspek rohani. Ini kerana pendekatan kerohanian dapat membentuk keperibadian yang mulia, jati diri yang kuat dan penghargaan diri yang tinggi yang dapat membentuk faktor pelindung yang tinggi terhadap ancaman dadah (Abdul Kadir et al., 2013).

Penulis telah menjalankan kajian kualitatif secara analisa kandungan dengan menggunakan kaedah tematik. Di dalam kajian ini, penulis akan mendatangkan hadis-hadis yang mempunyai kaitan dengan spiritual kemudian penulis meletakkan tema yang bersesuaian untuk hadis-hadis yang ditemui yang disertakan dengan penjelasan dan huriahan terhadap hadis-hadis tersebut.

2. Perbincangan Hasil Kajian

Pendekatan terbaik dalam memerangi dadah ialah pemerkasaan langkah pencegahan (Rigg & Menendez, 2018) sebagaimana Arip et al. (2015) turut menjelaskan bahawa pencegahan merupakan kaedah terbaik dan efektif dalam mengurangkan kos menangani penyalahgunaan dadah. Program pencegahan yang lemah akan menyebabkan peningkatan kadar penagihan dan seterusnya wujud pelbagai permasalahan sosial dan peningkatan kos dalam rawatan pemulihan. Kenyataan ini turut dinyatakan oleh Mohame., Don, Hassan, dan Kasa (2005) menyatakan salah satu strategi yang seringkali dilaksanakan bagi mengurangkan dan seterusnya membasi dadah dalam sesbuah negara ialah melalui pencegahan yang lazimnya meliputi pendidikan pencegahan umum dan khusus. Menurut kajian Rigg dan Menendez (2018) menyatakan terdapat keperluan kepada strategi pencegahan dadah yang paling berkesan. Hal ini demikian kerana isu dadah perlu ditangani segera secara bijak dan memikirkan jangka masa panjang. Pencegahan dadah yang diterapkan di sekolah rendah



dan sekolah menengah melalui pendidikan, penghayatan dan kesedaran telah menunjukkan impak yang positif. Rigg dan Menendez (2018) menegaskan juga pencegahan dadah yang bersasar dan menfokuskan kepada golongan yang berisiko merupakan pencegahan dadah yang efektif dan sangat penting. Hal ini kerana golongan ini berada di peringkat yang bahaya untuk terjerumus kepada penagihan dan kebergantungan kepada dadah.

Menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK, 2018) pencegahan merupakan strategi jangka panjang yang bertujuan untuk melindungi seseorang dari terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Mengikut Akta Agensi Antidadah 2004, fungsi pencegahan adalah mendidik orang ramai untuk menentang penyalahgunaan dadah berbahaya, mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi penyalahgunaan dadah berbahaya dan menasihati menteri mengenai polisi yang berhubungan dengan pencegahan penyalahgunaan dadah berbahaya.


Ariffin (2016) menyatakan secara umumnya faktor risiko yang dikenal pasti menyumbang kepada masalah penagihan dadah ialah lemahnya jati diri individu, keinginan untuk berseronok, tekanan jiwa, longgarnya pegangan agama, mempunyai daya tahan yang rendah, rapuhnya nilai pegangan moral di dalam diri, berdepan dengan pelbagai bentuk tekanan hidup dan masalah keluarga. Kegagalan berhadapan dengan faktor-faktor penagihan tersebut juga akan menyebabkan berlakunya masalah pergantungan tinggi kepada dadah sebagai suatu cara untuk lari daripada masalah dan akhirnya mencetus tingkah laku pengulangan.

Manakala, faktor pelindung ialah jati diri yang kukuh, mempunyai daya tahan yang kuat, pegangan agama yang utuh, menghargai diri, kasih sayang, pengharapan, berdikari, bersyukur, dan mempunyai tujuan hidup. Faktor-faktor ini merupakan pelindung daripada risiko terlibat dengan dadah (Roy et al., 2019). Elemen-elemen yang dinyatakan oleh Roy et al. (2019) adalah berkaitan dengan spiritual dan kajian di atas menunjukkan pembentukan spiritual seseorang mampu untuk mencegah seseorang dari terjebak ke kancang dadah. Hal ini kerana spiritual dan kerohanian merupakan sebahagian daripada dimensi daya tahan dan mempunyai sumbangan yang signifikan. Hal ini sepertimana yang dinyatakan oleh kajian Galanter et al. (2006) bahawa program rawatan dadah berbentuk agama atau spiritual hakikatnya membantu dalam membentuk ketahanan diri dan ciri-ciri personal individu yang lebih mantap. Malah program spiritual dan agama juga dikenalpasti membantu memberi kekuatan kepada penagih untuk mengubah tingkah laku meninggalkan dadah. Malah, Khalid (2008) turut menyokong bahawa spiritual mempunyai sumbangan signifikan terhadap daya tahan seterusnya membina pencegahan yang efektif.

Sham, Hamjah dan Sharifudin (2013) menjelaskan bahawa spiritual ini bersifat dalaman yang mempengaruhi penjelmaan personaliti seseorang. Ia merupakan unsur yang berdiri dalam rohani manusia dan mencorakkan segala yang berhubung dengan sikap, pandangan, persepsi dan motivasi seseorang. Sham, Hamjah dan Sharifudin (2013) dan Hamjah, Rasit, dan Sham (2012) juga menjelaskan bahawa konstruk spiritual adalah merupakan kombinasi antara empat elemen iaitu *al-nafs* (jiwa), *al-qalb* (hati), *al-'aql* (akal) dan *al-rūh* (ruh). Hamjah et al. (2014) juga mendefinisikan spiritual itu sebagai hal-hal yang berkaitan kerohanian dan kualiti dalaman manusia yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, secara khususnya adalah berkaitan dengan jiwa, ruh, hati, akal dan sifat insan.

Nan (2012) pula menjelaskan bahawa spiritual adalah merupakan satu semangat yang lahir dari jiwa manusia itu sendiri yang bersifat non material serta percaya kepada kuasa yang mempengaruhi kehidupan manusia. Jika dikaitkan dengan Islam, spiritual merupakan satu aspek kerohanian yang telah dicipta oleh Allah SWT dalam diri manusia dan berkeyakinan bahawa wujudnya kuasa yang mampu mempengaruhi kehidupan manusia. Manusia perlu bernafas untuk hidup dan memiliki nafas bermakna manusia memiliki spirit. Oleh sebab itu, menurut Hasan (2006) perkataan spiritual bermakna memiliki ikatan yang lebih kepada hal yang bersifat kerohanian atau kejiwaan berbanding hal-hal yang bersifat fizik dan kebendaan. Spiritual merupakan kebangkitan atau pencerahan diri dalam mencapai tujuan atau makna kehidupan, di mana asas kebahagiaan dan kesejahteraan seseorang datang dari spiritual yang baik. Antara aspek spiritual adalah mempunyai arah tuju kehidupan yang mendorong seseorang bagi meningkatkan kebijaksanaan dan kekuatan berkehendak bagi mencapai keinginan dan cita serta usaha mencapai hubungan yang lebih dekat dengan Tuhan dan memahami tabiat alam semesta.

Maka penulis telah mengupas elemen-elemen faktor pencegahan berkaitan spiritual menurut perspektif hadis untuk melihat kekuatan elemen-elemen tersebut dalam mencegah seseorang dari terjebak ke dalam kancang dadah. Elemen-elemen tersebut adalah penghayatan agama, mempunyai matlamat hidup yang jelas, bersyukur dan berdikari. Perbincangan secara mendalam setiap elemen tersebut adalah seperti yang berikut;



2.1 Penghayatan Agama

Fitrah manusia perlukan agama dalam hidupnya, kerana dengan agama manusia dapat menikmati hidup yang tenang dan bahagia jiwa. Agama memberikan sebuah kerangka moral sehingga membuatkan seseorang mampu menilaikan sesuatu yang buruk dan baik, mengetahui mengapa dan untuk apa seseorang itu berada di dunia ini. Agama memberikan perlindungan dengan rasa aman, terutama bagi remaja yang sedang mencari identiti dan personaliti dirinya (Ismail, Bakar, Majid, & Kasan, 2019).

Kembali kepada ajaran dan menghayati hidup beragama merupakan solusi terbaik dalam menangani permasalahan yang menimpa golongan masyarakat pada hari ini. Membangunkan penghayatan hidup beragama dalam diri remaja merupakan pendekatan terbaik dalam membentuk remaja dari pelbagai aspek (Kasan, Bakar, Ismail, & Abd Majid, 2018). Seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 208:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوْفِي السَّلْمِ كَافَةً وَلَا تَتَّبِعُو حُطُّوْا هِيَ شَيْطَانٌ ۝ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌ مُّبِينٌ

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhan, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu."


Seterusnya, konsep penghayatan agama yang mencakupi dimensi akidah, ibadah, akhlak dan syariah mempunyai kaitan rapat dengan aspek dalaman atau kerohanian. Ini kerana kesempurnaan penghayatan keempat-empat dimensi yang disebutkan memberi kesan kepada kerohanian seseorang (Abdul Ghani & Abu Mansor, 2006). Hal ini bertepatan dengan perbincangan yang diutarakan oleh Arifin (1977). Beliau menjelaskan jika dilihat dari sudut psikologi, kejadian manusia yang meliputi elemen-elemen fizikal dan spiritual menyebabkan ia memerlukan keseimbangan antara aspek jasmaniah dan rohaniah. Justeru, penghayatan akidah berfungsi sebagai membentuk kerohanian atau kejiwaan manusia dalam kehidupannya (Ariffin, 1977). Pandangan ini juga selari dengan kajian Yusof (2009) yang berpendapat pentingnya pendidikan agama bagi meningkatkan kerohanian yang tinggi.

Begitu juga pandangan yang diutarakan oleh Najati (2001) bahawa kewajipan beriman kepada Allah SWT dan menghayati segenap aspek akidah Islam adalah untuk mengubah jiwa dan rohani manusia. Sebelum kedatangan Islam di bumi hijaz, jiwa dan rohani manusia adalah kosong, suka bergaduh sesama sendiri, melakukan pertumpahan darah, membunuh anak-anak perempuan dan berbagai-bagi kejahatan yang dilakukan oleh masyarakat jahiliah. Penghayatan akidah berkait rapat dengan penghayatan agama kerana akidah merupakan tiang utama agama (Jum'ah, 1999). Hal ini turut dinyatakan al-Qaradawi (1984) yang menjelaskan konsep penghayatan agama sebagai menghayati agama dalam seluruh aspek kehidupan dengan menyeluruh berdasarkan menghayati akidah sebagai pegangan hidup, ibadah sebagai amalan hidup, syariah sebagai peraturan dan pertimbangan hidup, serta akhlak mulia sebagai etika hidup termasuk menjauhi perbuatan syirik dan perbuatan-perbuatan lain yang ditegah oleh Allah SWT. Perbincangan ini bertepatan dengan pernyataan yang dibawa oleh al-Ghazali (2005) bahawa akidah dan keimanan mempunyai kesan kepada rasa taat di dalam hati manusia dan kerohanian di dalam jiwan.

Selain itu, hidup beragama juga diterjemahkan sebagai kepercayaan yang pasti, ketundukan yang mutlak, kepatuhan yang penuh kesedaran dan keikhlasan pada sumber ilahi dari segenap sudut kehidupan manusia (Din, 1985). Menurut Mastor dan Kasan (2008) hidup beragama ialah menjadikan Islam sebagai tatacara hidup yang sempurna dan diredayai oleh Allah SWT berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT dan bertunjang tauhid. Untuk itu, penghayatan agama juga bermaksud memperkuatkan akidah. Sumbangan akidah terhadap kerohanian menyebabkan akidah mempunyai peranan besar terhadap daya tahan. Dalam memastikan hidup beragama, Baginda SAW mengingatkan umatnya agar sentiasa menjaga iman dalam kehidupan dan tidak mengikut hawa nafsu;

عَنْ أَنَسٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالَّذِي وَالنَّاسُ أَحَمَّعَنِ

[al-Bukhari, Kitab al-Iman, Bab Hubb al-Rasul Sallallahu 'Alayh Wasallam min al-Iman, nombor hadis 15]



Maksudnya:

Daripada Anas RA telah berkata: "Rasulullah SAW telah bersabda: "Tidak beriman seseorang dari kalangan kamu sehingga aku lebih dicintai melebihi bapanya, anaknya dan seluruh manusia"."

Seluruh kehidupan seorang muslim mesti berasaskan kepada syariat Allah SWT dan petunjuk Rasul SAW dan tidak sedikit pun mengandungi kebatilan. Perjalanan hidup dan tindak tanduknya menjadi lurus. Apabila seorang muslim beriltizam dengan manhaj Allah SWT dan berusaha mematuhi dalam segala aspek kehidupan, maka sempurnalah imannya dan agamanya (al-Nawawi 1989).

Justeru, hidup beragama berupaya menanamkan keimanan dalam diri dan memelihara diri dari daripada melakukan perkara yang terseleweng dari agama (al-Jawziyyah, 1983). Selain memberi ketenangan emosi (Kassan 2002) dan meningkatkan keyakinan dalam diri manusia (al-Qaradawī, 1998), hidup beragama juga memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personaliti (Manap, 2005; Raba, 2001).

Terdapat banyak kajian yang menyatakan bahawa hidup beragama dapat menangani permasalahan akhlak dan sosial remaja. Antaranya kajian Ibrahim et al. (2012) yang mendapati hidup beragama dapat mencegah remaja terlibat dengan aktiviti tidak bermoral dan menyalahi undang-undang negara. Sarina (1995) juga mendapati hidup agama dalam diri seseorang individu mampu menolak perlakuan negatif dan unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran agama. Sepertimana kajian Sharifah et al. (2010) yang mendapati hidup beragama juga memberi kekuatan untuk berdepan dengan cabaran yang negatif.

Untuk itu, hidup beragama perlu dibangunkan dan diperkisasakan dalam diri seseorang sebagai pencegahan dari terjebak ke dalam kancang dadah. Hidup beragama memberi banyak impak positif dalam membentuk kehidupan seseorang bahkan juga dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat. Hidup beragama menjadi aspek yang amat penting di dalam kehidupan manusia kerana ia dapat memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku, amalan serta personaliti, ketenangan emosi dalaman, keyakinan diri manusia serta kebahagiaan hidup (Mustapha, 2017).

2.2 Mempunyai tujuan hidup yang jelas

Tujuan bermaksud niat, matlamat, objektif dan tujuan (Baharom et al., 2010) dan niat itu membezakan antara satu tujuan dengan yang lain (al-Ghazālī, 1994). Ia merupakan keadaan, sifat dan amalan hati dan bertempat di dalam hati (al-Ghazālī, 2005; Lāshin, 2002, al-Nawawī, 2006) dan niat itu sendiri bermaksud tujuan dan kehendak untuk melaksanakan sesuatu (al-Ghazālī, 1988; al-Hanbalī, 2004). Hadis yang jelas menyebut tentang misi dan matlamat adalah;


عَنْ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْأَعْمَالُ بِالنِّتَّيَةِ وَكُلُّ أَمْرٍ مَا تَوَيَ فَمَنْ كَانَ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةً يَتَرَوَّحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

[al-Bukhārī, Kitāb al-Imān, Bāb Mā Jā'a Inna al-A'māl bi al-Niyyah, nombor hadis 54]

Maksudnya:

Daripada 'Umar RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Semua perbuatan tergantung niatnya, dan (balasan) bagi tiap-tiap orang bergantung dengan apa yang diniatkan; barangsiapa niat hijrahnya karena Allah SWT dan Rasul-Nya, maka hijrahnya adalah kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Barangsiapa niat hijrahnya karena dunia yang ingin digapainya atau karena seorang perempuan yang ingin dinikahinya, maka hijrahnya adalah kepada apa dia niatkan".

Ibn al-'Uthaymīn (2005) menjelaskan hadis ini menerangkan bahawa setiap amalan dan pekerjaan itu adalah dengan niat dan matlamat manakala al-Sa'dī (2002) pula menyatakan hadis ini adalah merupakan timbangan untuk amalan batin. al-Hanbalī (2004) menjelaskan bahawa setiap perbuatan di kiaskan dengan peristiwa hijrah di mana baik atau buruknya sesuatu amalan dan perbuatan adalah berdasarkan kepada niat serta matlamat perbuatan tersebut. Seperti mana Baginda SAW di dalam hadis ini membuat perbandingan antara dua matlamat dalam penghijrahan umat Islam ke Madinah iaitu matlamat hijrah kerana Allah SWT dan kerana wanita yang ingin dinikahi. Maka Baginda SAW menjelaskan sesiapa yang bermatlamatkan hijrah kerana



cintakan Allah SWT dan Rasul serta bertujuan untuk menzahirkan agama Islam, maka hijrahnya adalah kerana Allah SWT dan Rasul. Manakala bagi mereka yang berhijrah kerana mengejar dunia dan perempuan yang ia mahu nikahi, Baginda SAW menyebutkan bahawa ia akan hanya mendapat apa yang ia niatkan iaitu dunia dan wanita yang ingin dinikahi.

Niat berkaitan dengan matlamat, tekad dan keazaman untuk melakukan sesuatu perbuatan dengan sebaik yang mungkin. Niat merupakan perkara paling asas apabila hendak melakukan apa jua tugas. Ia bukan sahaja terdetik di hati atau dilafazkan dalam permulaan langkah melaksanakan tugas, tetapi membawa keazaman yang tinggi untuk dilakukan sebaik-baiknya, mempunyai manfaat yang banyak dan mengharapkan keredaan Allah SWT. Ia juga mestilah jelas tidak bertentangan dengan syariat Islam (Baba, 2012; Salleh, 2003).

Maka jelas di sini akan kepentingan niat serta matlamat yang jelas dalam kehidupan dan itu tanda spiritual yang cerdas. Seorang yang jelas misi dan matlamatnya akan melakar perjalanan yang betul dan bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamatnya. Hal ini selaras dengan pandangan Tasmara (2001) yang menjelaskan bahawa mereka yang cerdas spiritualnya adalah mereka yang mempunyai tujuan dan makna hidup. Maka ia merupakan langkah bagi seseorang untuk melakar kehidupan yang beragenda seterusnya mampu untuk mencegah dari terjebak ke kancang dadah.

2.3 Syukur

Syukur adalah perasaan gembira dengan nikmat Allah SWT iaitu dengan menggunakan nikmat Allah SWT pada tempatnya yang betul. Mereka yang bersyukur mempunyai jiwa yang tenang dan bersih (al-Ghazālī 2005). Syukur bermakna terkesan dengan nikmat Allah SWT iaitu dengan memuji-muji, mengiktiraf dan menyebut-nyebut nikmat Allah SWT dengan lidahnya, rasa kasih dan cinta pada hatinya dan tunduk serta patuh pada anggota badannya. Asas syukur adalah ketundukan terhadap Allah SWT, kasih kepadaNya, iktiraf nikmat yang dikurniakan, puji-pujian kepadaNya dan tidak menggunakan pada perkara yang Dia tidak suka (al-Jawziyyah, 1993).

عَنْ صُهَيْبٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَجَباً لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلُّهُ خَيْرٌ وَكَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَّاءٌ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

[Muslim, *Kitāb al-Zuhd wa al-Raqā'iq. Bāb al-Mu'min Kulluhu Khayr*, nombor hadis 7692]


Maksudnya;

Dari Suhaib telah berkata: Rasulullah SAW telah bersabda: “Sungguh menakjubkan urusan bagi orang mukmin. Semua urusannya adalah baik baginya. Hal itu tidak dimiliki seorang pun selain orang mukmin. Apabila mendapat kesenangan, ia bersyukur maka yang demikian itu baik baginya dan bila tertimpa musibah, ia bersabar maka yang demikian itu juga baik baginya”.”

Seorang mukmin yang sempurna ia akan bersyukur kepada Allah SWT apabila mendapat kesenangan (al-Hilālī, 1997) al-Khān, 1987). Apabila seorang mukmin mendapat nikmat agama seperti ilmu dan amal salih atau nikmat dunia seperti harta dan anak-anak seharusnya ia mengucapkan syukur dan seterusnya mendirikan ketaatan kepada Allah SWT. Ini kerana syukur bukan sekadar ucapan syukur pada lisan akan tetapi ia harus mentaati Allah SWT dalam amalannya. Maka hadis ini menggalakkan syukur kepada Allah SWT dan syukur itu menjadi sebab kepada bertambahnya nikmat yang lain (Ibn ‘al-‘Uthaymīn, 2005).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- انْظُرُوْا إِلَيْ مَنْ أَسْفَلَ مِنْكُمْ وَلَا تَنْظُرُوْا إِلَيْ مَنْ هُوَ فَوْقَكُمْ فَهُوَ أَجْدَرُ أَنْ لَا تَزَدَرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ

[Muslim, *Kitāb al-Zuhd wa al-Raqā'iq. Bāb Ḥaddathanā Qutaybah ibn Sa'īd*, nombor hadis 7619]



Maksudnya:

Daripada Abū Hurairah RA telah berkata: “Rasulullah SAW telah bersabda; “Pandanglah orang yang berada di bawah kalian, janganlah memandang yang berada di atas kalian. Demikian itu lebih baik untuk membuat kalian tidak mengkufuri nikmat Allah SWT”.

Hadis di atas menganjurkan agar menanam sifat syukur dalam diri iaitu dengan melihat mereka yang lebih rendah kerana yang demikian itu akan memperlihatkan baginya nikmat-nikmat Allah SWT yang dikurniakan kepadanya. Dengan itu akan lahir rasa syukur di dalam diri (al-Nawāwī 1996). Gambaran syukur Baginda SAW jelas di dalam hadis di bawah:

عَنْ زِيَادٍ قَالَ سَمِعْتُ الْمُغِيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ: إِنْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيَقُولُ لِيُصَلِّيْ حَتَّىْ تَرِمُ قَدْمَاهُ أَوْ سَاقَاهُ
فَيَقَالُ لَهُ فَيَقُولُ أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا

[al-Bukhārī, Kitāb al-Jumu'ah, Bāb Qiyām al-Nabi Ṣallallāh 'Alayh Wasallam al-Layl hatta Tarima Qadamāhu, nombor hadis 1130]

Maksudnya:

Daripada Ziyād telah berkata: “Aku telah mendengar al-Mughīrah berkata: “Ketika Nabi SAW bangun untuk mendirikan solat (malam) hingga nampak bengkak pada kaki atau betisnya, Baginda SAW ditanya tentangnya.” Maka Baginda SAW menjawab: “Apakah tidak wajar aku menjadi hamba yang bersyukur?”

Hadis tersebut memberi petunjuk bahawa kesungguhan Baginda SAW dalam berdoa dan sembahyang malam adalah tanda syukur kepada Tuhan (al-Hanbalī, 1996). al-Ghazālī (2005) menjelaskan bahawa mereka yang bersyukur adalah mereka yang mempunyai jiwa yang tenang dan bersih. Jiwa yang tenang dinamakan sebagai *al-nafs al-mutma'innah* dan dikatakan sebagai spiritual yang cerdas (Hamjah, 2016).

Rasa bersyukur lazimnya digunakan untuk mengukur kesejahteraan jiwa dan spiritual. Watkins et al. (2003) pula dalam kajiannya terhadap sekumpulan pelajar jurusan psikologi mendapati bahawa rasa bersyukur mempunyai hubungan yang positif dengan kegembiraan seseorang. Malah, rasa bersyukur juga boleh mendorong ke arah kesejahteraan psikologi dan fizikal seseorang. Ada juga sesetengah pengkaji yang menganggap bahawa pembolehubah rasa bersyukur merupakan indikator kepada kesejahteraan psikologi (Wood et al., 2008). Maka penulis menyimpulkan elemen syukur adalah penting dalam membentuk spiritual seseorang dan seterusnya mencegah dari terjebak ke kancang dadah.

2.4 Berdikari

Menurut Baharom et al. (2010) di dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* berdikari adalah berdiri atas kaki sendiri dan tidak mengharapkan orang lain untuk menolongnya. Ciri yang dinyatakan terdapat di dalam hadis di bawah;


عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَأَنْ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ
جَبَلَهُ فَيَحْتَطِبَ عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَأْتِيَ رَجُلًا فِي سَلَالَهُ أَعْطَاهُ أَوْ مَنَعَهُ

[al-Bukhārī, Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Isti'fā' an al-Mas'alah, nombor hadis 1470]

Maksudnya;

Daripada Abū Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: “Demi Zat yang jiwaku berada di tangan-Nya, sungguh seorang dari kalian yang mengambil talinya lalu dia mencari kayu bakar dan dibawa dengan punggungnya lebih baik baginya daripada dia pergi kepada seseorang lalu meminta daripadanya, sama ada orang itu memberi atau menolak”.

Dalam menjelaskan hadis tersebut, Ibn Baṭṭāl (2003) menerangkan bahawa hadis ini melarang meminta-minta dari manusia lain melainkan ketika perlu dan darurat. al-Nawāwī (1996) turut menjelaskan bahawa hadis ini menggalakkan kepada bekerja dengan usaha sendiri atau dengan lain perkataan berdikari.



Menurut Lāshin (2002), Islam adalah agama perjuangan, beramal dan produktif. Dalam usaha untuk membina hidup di dunia, Islam menyuruh supaya berusaha dan memperingatkan agar tidak malas iaitu seperti mana yang dinyatakan di dalam hadis supaya bekerja dan melarang dari meminta-minta. al-Qaṣṭalānī (1913) juga menyatakan bahawa hadis ini bermaksud Nabi SAW melarang menjatuhkan air muka dengan meminta-minta. Bekerjalah untuk mendapatkan sesuatu walaupun dalam keadaan susah payah seperti mana yang dinyatakan di dalam hadis ini iaitu bekerja keras dengan mencari kayu bakar dan ia lebih baik dari meminta-minta. Najātī (1992) pula menjelaskan bahawa Baginda SAW di dalam hadis ini menggalakkan sahabat Baginda SAW agar berdikari dalam bekerja mencari rezeki dan melarang mereka dari meminta-minta.

عَوْفُ بْنُ مَالِكٍ الْأَشْجَعِيُّ قَالَ : وَقُلْنَا قَدْ بَأَيْعُنَاكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَعَلَامَ تُبَايِعُكَ قَالَ عَلَى أَنْ تَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا
وَالصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ وَتُطْبِعُوا وَأَسْرَرَ كَلِمَةً خَفِيَّةً وَلَا تَسْأَلُوا النَّاسَ شَيْئًا فَلَقَدْ رَأَيْتُ بَعْضَ أُولَئِكَ النَّفَرِ فَمَا يَسْأَلُ أَحَدًا يُنَاوِلُهُ إِيَّاهُ

[Muslim, *Kitāb al-Zakāh, Bāb Karāhah al-Mas'alah li al-Nās*, nombor hadis 1043]

Maksudnya;

'Auf ibn Mālik al-'Ashja'i telah berkata: "Sesungguhnya kami telah berbai'at kepada tuan, lalu atas apa lagi kami berbaiat kepada Tuan wahai Rasulullah? Baginda SAW menjawab: "Bahaha kalian akan menyembah Allah SWT dan tidak menyekutukanNya dengan sesuatu pun juga, akan menegakkan sembahyang lima waktu, akan berlaku patuh kemudian beliau memperlakhankan suaranya: dan tidak akan meminta sesuatu pun dari orang ramai." 'Auf berkata; "Aku pernah melihat sebahagian dari mereka saat cambuknya jatuh, tetapi ia tidak meminta tolong sedikit pun kepada orang lain untuk mengambilkannya"."

al-Nawawī (1996) dan (Lāshin 2002) menyebut bahawa hadis ini menggalakkan agar tidak meminta-minta dari orang ramai walaupun dalam perkara yang remeh. Kedua-dua hadis di atas memberikan maksud berdikari sebagaimana yang di sebut oleh Kamus Dewan (2010). Najātī (1992) turut menjelaskan bahawa hadis ini menunjukkan bahawa Baginda SAW mengajar para sahabat Baginda supaya bergantung pada diri sendiri, menguruskan urusan mereka dengan kudrat sendiri dan tidak bergantung kepada orang lain dalam menyelesaikan urusan mereka.


Sifat berdikari merupakan kekuatan dalaman yang efektif dan jiwa yang positif serta mampu menguasai kemampuan dan kekuatan diri seseorang. Ia amat penting dalam membentuk spiritual seseorang. Penekanan terhadap elemen spiritual dapat membentuk keperibadian yang mulia, jati diri yang kuat dan penghargaan diri yang tinggi yang dapat membentuk faktor pelindung yang tinggi terhadap ancaman dadah (Abdul Kadir et. al, 2013).

3. Kesimpulan

Pencegahan merupakan kaedah terbaik dan efektif dalam menangani penyalahgunaan dadah. Program pencegahan yang lemah akan menyebabkan peningkatan kadar penagihan. Antara punca utama penagihan dadah adalah disebabkan spiritual dan kerohanian individu yang rapuh. Untuk itu, pembentukan spiritual dalam diri individu adalah kaedah penting dalam pencegahan dadah, seterusnya mampu membentuk faktor pelindung yang tinggi pada diri seseorang daripada ancaman dadah. Penulis mendapat, hadis-hadis banyak menunjukkan kepada pembentukan spiritual seseorang. Penulis telah membawakan empat elemen iaitu penghayatan agama, mempunyai tujuan dan matlamat hidup yang jelas, syukur dan berdikari sebagai elemen yang penting dalam membentuk spiritual, peribadi dan akhlak seseorang. Kekuatan elemen tersebut dalam membentuk spiritual seseorang jelas di dalam oleh hadis-hadis yang dibawakan oleh penulis. Maka dengan ini penulis merumuskan bahawa jelas tujuan dan matlamat hidup, syukur, berdikari dan penghayatan adalah penting dalam menjadi benteng seseorang dari terjebak ke kancah dadah.

Penghargaan


Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil kajian bertajuk *Modul Psikospiritual Nabawi Bagi Pemuliharaan Dadah di Pusat Serenti (Agensi Anti Dadah Kebangsaan)*. Penulis mengisyiharkan penerimaan sokongan kewangan daripada pihak berikut untuk penyelidikan, karangan, dan/atau penerbitan artikel ini. Artikel ini di




bawah sokongan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) KUIS bagi kod dana Geran Penyelidikan Insentif KUIS: 2018/P/GPIK/GPP-003.

Rujukan

- Abdul Ghani, Z. & Abu Mansor, S. (2006). Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: Analisis terhadap beberapa pandangan Al-Imam Al-Ghazali. In *National Student Development Conference (NASDEC)*, (pp. 8-9). Kuala Lumpur, Malaysia. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/375/>.
- Abdul Kadir, F. A., Paad, N. S., Ghapar, A., & Nawawi, M. (2013). Salah laku remaja dan asas penyelesaiannya menurut perspektif Islam. In *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society*. Kuala Terengganu, Malaysia. Retrieved from <http://eprints.um.edu.my/13070/>.
- Agensi Antidadah Kebangsaan (2018). *Laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2017*. Retrieved from <https://www2.adk.gov.my/en/annual-report-2017/>.
- Ahmad, N. A., Ismail, R., Ibrahim, F. & Nen, S. (2015). Individual, family and social environmental factors influencing the involvement of adolescents in substance abuse. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 9(1). Retrieved from <https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/INDIVIDUAL-FAMILY-AND-SOCIAL-ENVIRONMENTAL-FACTORS.pdf>.
- Ariffin, N. M. (2016). *Pengaruh kesejahteraan rohani terhadap kecenderungan pengulangan dadah di tujuh Pusat Khidmat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (PKAADK) di Malaysia* (Unpublished doctoral thesis), Universiti Sains Malaysia, Malaysia.
- Arifin, H. M. (1977). *Psikologi dan beberapa aspek kehidupan rohaniyah manusia*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Arip, M. A., Ghazali, M. S. B. H. M., Rahman, A. M. B. A., Jusoh, A. J. B., Salim, S. S. B. S., & Mustafa, M. B. B. (2015). Kesan program pencegahan dadah berdasarkan modul pengubahsuai corak pemikiran (PCP) ke atas daya tahan dan kelangsangan dalam kalangan belia berisiko. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 9(1), 46-55. Retrieved from <https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/KESAN-PROGRAM-PENCEGAHAN-DADAH-BERASASKAN-MODUL-PENGUBAHS.pdf>.
- Baba, S. (2012). *Pengurusan Islami: aplikasi ihsan dan insan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic.
- Baharom, N. et al. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Din, H. (1985). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Hizbi Sdn. Bhd.
- Galanter, M., Dermatis, H., Bunt, G., Williams, C., Trujillo, M., & Steinke, P. (2007). Assessment of spirituality and its relevance to addiction treatment. *Journal of Substance Abuse Treatment*, 33(3), 257-264. <https://doi.org/10.1016/j.jsat.2006.06.014>.
- Ghani, S. A., & Adam, F. (2014). Pemulihan dadah menurut persepektif agama di Malaysia. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 6(1), 75-85. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/jihadhari/article/view/12392>.
- al-Ghazālī, A. H. (1994). *Majmū‘ah al-Rasā’il al-Imām al-Ghazālī*. Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Ghazālī, A. H. (2005). *Ihyā ‘Ulūm ad-Dīn*. Kaherah: Dār al-Tauzī’ wa al-Nashr al-Islāmiyah.
- al-Ḥanbalī, I. R. (1996). *Fath al-Bārī*. Madinah: Maktabah al-Ghurabā’ al-Athriyyah.
- al-Ḥanbalī, I. R. (2004). *Jāmī‘ ‘Ulūm wa al-Hikam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Hamjah, S. H. (2016). *Pendekatan kaunseling spiritual menurut al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamjah, S. H., Rasit, R. M., & Sham, F. M. (2012). Role of spiritual aspect in the learning process of Islamic studies student. *Social Sciences*, 7(4), 625-629. <http://dx.doi.org/10.3923/sscience.2012.625.629>.
- Hamjah, S. H., Sham, F. M., Muhamad, S. N., Kashim, M. I. A. M., Ismail, R., & Saparudin, I. F. (2014). Pendekatan spiritual dalam menangani histeria. *Sains Humanika*, 2(1), 71-76. <https://doi.org/10.11113/sh.v2n1.378>.
- Hasan, A. P. (2006). *Psikologi perkembangan Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- al-Hilālī, A. S. (1997). *Bahjah al-Nāzirīn Sharḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Riyadh, KSA: Dār Ibn Jawzi.
- Ibn al-‘Uthaymīn, M. S. (2005). *Sharḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Riyadh: Dār al-Waṭān li al-Nashr.
- Ibn Baṭṭāl, A. H. (2003). *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Ibrahim, F., Sarnon, N., Alavi, K., Mohamad, M. S., Akhir, N. M., & Nen, S. (2012). Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *e-BANGI*, 7(1), 84-93. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/5017>.
- Ismail, N., Bakar, N. H., Majid, M. A., & Kasan, H. (2019). Pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 78-93. Retrieved from <https://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/57>.
- al-Jawziyyah, I. Q. (1983). *Miftāḥ al-Dār al-Sa‘ādah*. Kaherah, Mesir: Dār al-Hadīth.



- al-Jawziyyah, I. Q. (1993). *Mukhtasar Madārij al-Sālikīn*. Iskandariyah, Mesir: Dār Da'wah.
- Jum'ah, U. (1999). *Madkhal li Dirāsah 'Aqīdah Islāmiyyah*. Jeddah, KSA: Maktabah As-Sawādi li Tauzi'.
- Kasan, H., Bakar, N. H., Ismail, N. & Abd Majid, M. (2018). Pendidikan Islam asas pembangunan hidup beragama dalam kalangan remaja: satu tinjauan literatur. In *5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018)*. Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Khalid, M. Y. (2008). Psychospiritual therapy approach for drug addiction rehabilitation. *Jurnal Antidadaah Malaysia*, 4, 143-151. Retrieved from <https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/7.pdf>.
- al-Khān, M. S. (1987). *Nuzhah al-Muttaqīn Sharḥ Riyāḍ al-Šālihiin*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Lāshīn, M. S. (2002). *Fatḥ al-Mun'im Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah, Mesir: Dar al-Shuruq.
- Manap, J. (2005). *Kesahan dan kebolehpercayaan inventori religiositi dan personaliti Muslim*, (Disertasi Sarjana tidak diterbitkan), Universiti Putera Malaysia, Malaysia.
- Mastor, K. A. & Kasan, H. (2008). Penghayatan agama dan kepimpinan pelajar. Dlm. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan*, (pp. 1-6). UTM Skudai, Malaysia. Retrieved from <https://www.scribd.com/document/60180552/Penghayatan-Agama-Dan-Kepimpinan-Pelajar>.
- Mohamed, M. N., Don, Y., Hassan, M., & Kasa, M. D. (2005). Program pendidikan pencegahan dadah SLAD: adakah ia berkesan mencapai matlamatnya?. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 2, 1-16. Retrieved from <http://e-journal.uum.edu.my/index.php/mjli/article/view/7576>.
- Mohd Jailani, M. R., & Osman, A. B. (2015). Integrasi terapi psikospiritual Islam dalam modul rawatan dan rehabilitasi berasaskan Tc Therapeutic Community. In *Proceeding Prevent 2015 (International Drug Prevention and Rehabilitation Conference)*. Retrieved from <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/9949>.
- Mustapha, R. (2017). *Reka bentuk model integriti akademik berdasarkan penghayatan rohani*. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Najātī, M. U. (1992). *al-Hadīth al-Nabawī wa 'Ilm al-Nafs*. Lubnan: Dār al-Shuruq.
- Najātī, M. U. (2001). *al-Qur'an wa 'Ilm al-Nafs*. Kaherah, Mesir: Dār al-Shuruq.
- Nan, A. H. (2012). *Pelaksanaan pendekatan spiritual dakwah dalam kaunseling di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abu Bakar Baginda Sungai Merab*, (Disertasi Sarjana tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- al-Nawawī, A. Z. (1989). *Hadis Empat Puluh*. M. A. Rahman (Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- al-Nawawī, A. Z. (2006). *Bustān al-'Ārifīn*. Beirut: Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyyah.
- al-Qaraḍāwī, Y. (1984). *Ke Arah Pelaksanaan Syariah Islamiyyah*. A. R. Ahmad Jerlun (Terj.). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- al-Qaraḍāwī, Y. (1998). *al-Īmān wa al-Ḥayāt*. Kaherah, Mesir: Muassasah al-Risālah.
- al-Qastalānī, A. M. (1913). *Irshād al-Sārī li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mesir: Maktabah al-Kubra al-Amīriyah.
- Raba, A. M. (2001). *Major personalities in the Quran*. Kuala Lumpur: AS Noordeen.
- Rigg, K. K., & Menendez, K. M. (2018). Drug prevention programmes in schools: Selecting programme providers. *Health Education Journal*, 77(5), 586-597. <https://doi.org/10.1177%2F0017896918763454>.
- Roy, P. L., Ronquillo, L. H., Ladino, L. D., & Tellez-Zenteno, J. F. (2019). Risk factors associated with drug resistant focal epilepsy in adults: A case control study. *Seizure*, 73, 46-50. <https://doi.org/10.1016/j.seizure.2019.10.020>.
- al-Sa'dī, A. N. (2002). *Bahjah Qulūb al-Abrār wa Qurrah 'Uyūn al-Akhyař fī Sharḥ Jawāmi' al-Akhbār*. Riyadh, KSA: Wizārah Syū'un al-Islamiyyah wa al-Awqāf.
- Salleh, M. S. (2003). *Pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Shafie, A. R. (2006). *Rawatan penagihan dadah: pendekatan kerohanian menggunakan metode Thoriqat Qadiriyyah Wa Naqsabandiyah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sham, F. M., Hamjah S. H. & Sharifudin, M. J. (2013). *Personaliti dari perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM.
- Sharifah, M.N., Turiman, S., Syamsilah, R., Rahil, M., Haslinda, A., Ismi Arif, I., & Muryid, A. (2010). *Laporan kajian fenomena merempit dan potensi remaja lasak di FELDA*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Taharem, A. Z. (2004). *Menangani penyalahgunaan & penagihan dadah menurut Islam*. Rawang: Penerbit Minda Ikhwan.
- Taib, A. G. (2005). *Bersama perangi dadah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sri Kenanga.
- Tasmara, T. (2001). *Kecerdasan ruhaniah*. Jakarta: Gema Insani.
- Tunggak, B., Hashim, S., Mohamad, N., & Ali, M. (2015). Faktor risiko belia terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan belia muslim terpimpin. *Jurnal*



Published biannually by:
Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

Antidadah Malaysia, 9(1). Retrieved from <https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/MODEL-PEMBANGUNAN-BELIA-MUSLIM-TERPIMPIN.pdf>.

Watkins, P. C., Woodward, K., Stone, T., & Kolts, R. L. (2003). Gratitude and happiness: Development of a measure of gratitude, and relationships with subjective well-being. *Social Behavior and Personality: an international journal*, 31(5), 431-451. <https://doi.org/10.2224/sbp.2003.31.5.431>.

Wood, A. M., Maltby, J., Stewart, N., & Joseph, S. (2008). Conceptualizing gratitude and appreciation as a unitary personality trait. *Personality and individual differences*, 44(3), 621-632. <https://doi.org/10.1016/j.paid.2007.09.028>.

Yusof, R. (2009). *Kecerdasan emosi, efikasi kendiri dan sumbangan terhadap komitmen tugas guru kaunseling Sekolah Menengah* (Unpublished doctoral thesis), Fakulti Pendidikan, UKM, Malaysia.